



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar

Berita Harian - Kastam, Tawar Ganjaran Salur Maklumat

Berita Harian - Kastam, Tawar Ganjaran Salur Maklumat

🕒 Isnin, Nov 13 2017



Kastam tawar ganjaran salur maklumat

BH 13/11

Kuala Lumpur: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) menawarkan ganjaran kepada orang awam yang menyalurkan maklumat mengenai kegiatan penipuan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Ganjaran hanya diberi apabila kes syarikat atau individu yang melakukan penipuan GST didakwa di mahkamah.

Ganjaran itu adalah antara usaha jabatan berkenaan dalam mendapatkan maklumat bagi membendung kegiatan syarikat dan peniaga yang menipu GST selain mengerahkan pegawai-nya menyamar menjadi 'pelanggan misteri' untuk siasatan sebelum melakukan serbuan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri T Subromaniam, berkata setiap maklumat terbabit perlu ada nilai yang boleh membuk-

tikan berlaku aktiviti penipuan GST sehingga boleh menjadi kes untuk pendakwaan.

Katanya, maklumat terbabit boleh disalurkan dengan menghubungi pihak Kastam.

Mahu maklumat

"Kami mahukan maklumat yang benar-benar bernilai sehingga kes melekat untuk pendakwaan. Takkan kita nak beri ganjaran untuk maklumat setakat kedai tak keluar resit atau invois tak cukup kerana ramai yang buat seperti itu.

"Contohnya, jualan peniaga terbabit mencecah RM10,000 sehari, namun yang diisytihar hanya RM1,000 atau RM2,000. Selibhnya dia masukkan dalam perniagaannya yang tidak kena GST seperti sekolah atau tadika.

"Maklumat ini sangat bernilai

sekiranya ada bukti ke mana duit itu pergi atau dimasukkan dalam akaun lain seperti akaun isteri atau anak," katanya.

Ketika diminta mengulas pengakuan orang awam yang lebih memilih pembayaran tanpa GST, Subromaniam berkata, Kastam tidak akan mengenakan sebarang tindakan undang-undang terhadap orang ramai yang mengelak daripada membuat pembayaran GST.

Bagaimanapun, katanya, rakyat perlu mengubah sikap dari bertangjawab membayar cukai kerana setiap cukai yang dikutip adalah 'duit rakyat'.

"Kita tidak mahu ambil tindakan ke atas pengguna, namun kami akan laksanakan lebih banyak program kesedaran untuk rakyat memahami tanggungjawab mereka," katanya.

Info**Statistik kesalahan GST sejak 2015 hingga 30 September lalu**

- **10,591** - Jumlah kes yang dilaporkan
- **8,465** - Kertas siasatan dibuka
- **1,711** - Kes didaftarkan di mahkamah
- **1,494** - Keputusan mahkamah

Pekeliling
Perbendaharaan

BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**